

**BN digesa bincang baiki kelemahan
Malaysiakini.com
Sept 3, 2008
Abdul Rahim Sabri**

Ketua Pemuda Umno Perlis, Datuk Rozabil Abdul Rahman menggesa agar semua pihak dalam parti komponen Barisana Nasional (BN) supaya berbincang untuk memperbaiki kelemahan dalam gabungan berkenaan.

Beliau yang ketua Pemuda Arau menegaskan BN mempunyai wadah untuk menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

"BN ada wadah untuk mendengar masalah semua kaum. Guna wadah tersebut untuk mengatasi masalah.

barisan nasional" Saya menyeru semua pemimpin parti-parti komponen BN di peringkat pusat atau negeri duduk berbincang.

"Tak perlu mengeluarkan kenyataan terbuka, tak selesaikan masalah," kata Rozabil ketika dihubungi Malaysiakini.

Menurut beliau lagi, Umno bukan sebuah parti perkauman di Malaysia.

Beliau diminta mengulas gesaan perwakilan Gerakan Perak yang dilaporkan baru-baru supaya parti itu meninggalkan BN jika gabungan itu gagal menyelesaikan isu perkauman dan agama.

Mesti berhati-hati

Menurut Rozabil lagi, kekeliruan dan kekusutan sehingga menyebabkan parti Gerakan dan Umno sama-sama 'terasa' adalah berpunca daripada helah pembangkang.

Sehubungan itu juga beliau berharap agar mana-mana pemimpin dalam BN supaya berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan.

Beliau juga mengingatkan individu-individu dalam parti komponen agar tidak menikam BN dari belakang.

"(Individu-individu dalam) parti-parti komponen, kalau nak berjuang untuk rakyat mengikut landasan BN, kenalah duduk dan bekerja dengan semangat untuk kukuhkan BN.

"Kalau ada individu yang tikam dari belakang, maka ia akan memecahbelahkan BN," katanya sambil menambah mereka ini haruskan dihadapkan kepada lembaga disiplin atau keluar daripada parti.

Rozabil juga mengingatkan pemimpin parti komponen BN agar tidak mengikut gendang pembangkang untuk melompat menyertai mereka